

Melayu Singapura dipinggir sejak 1959

BH-29/9/2006

Bekas Setiausaha Politik KM kedua dedah ada manipulasi

JOHOR BAHRU: "Masyarakat Melayu di Singapura dipinggirkan secara sistematik sejak Parti Tindakan Rakyat (PAP) memerintah republik itu pada 1959 dan Lee Kuan Yew menjadi Perdana Menteri yang pertama," kata seorang ahli politik veteran republik itu yang kini menetap di sini.

Prof Mohammed Yacob, bekas Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Singapura yang kedua, Lim Yew Hock, berkata peminggiran itu berlaku, walaupun perlembagaan republik itu mengiktiraf hak kaum minoriti dan hak istimewa orang Melayu yang tinggal di Singapura.

"Perlembagaan Singapura di bawah tajuk 'General Provisions' Minorities And Special Positions Of Malays' dengan jelas merujuk tanggungjawab kerajaan, antaranya untuk melindungi,

membantu dan mempromosi kepentingan Melayu dalam bidang politik, pendidikan, agama, ekonomi, budaya dan Bahasa Melayu.

"Bagaimanapun kerajaan pimpinan PAP menerusi implementasi undang-undang dan dasar mereka, memanipulasi dan menghalang hak Melayu dan perlahan-lahan membersihkan Melayu serta sejarahnya dari Singapura," katanya di kediamannya, di sini, semalam.

Baru-baru ini, Lee Kuan Yew yang juga Menteri Mentor Singapura memberitahu satu forum di republik itu masyarakat Cina di Malaysia dan Indonesia dipinggirkan secara sistematik dan komen itu menyebabkan Kuala Lumpur dan Jakarta tersinggung.

Mohammed menjadi warganegara Singapura selepas republik itu meninggalkan Malaysia pada 1965, tetapi me-

ngambil keputusan meninggalkan negara itu pada 1978 selepas menerima 'amaran' akan ditangkap. Beliau kini menjadi rakyat Malaysia.

"Saya meninggalkan Singapura sehelai sepinggang," katanya.

Sejak meninggalkan Singapura, Mohammed berusia 89 tahun, masih sihat, bergiat aktif dengan menulis buku dan artikel mengenai republik itu.

Katanya, beliau turut mengiriskan artikelnya mengenai Singapura itu baru-baru ini untuk bacaan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Mohammed yang juga bekas Timbalan Setiausaha Agung Parti Perikatan di Singapura turut berkata, pengiktirafan orang Melayu sebagai bangsa asal Singapura seperti termaktub di

dalam Perlembagaan, kini turut dinafikan republik itu.

"Pemimpin PAP mengatakan orang Melayu di Singapura berasal dari seberang, Cina dari China dan India dari India, walhal Perkara 152 (2) Perlembagaan dengan jelas mengatakan Melayu bangsa asal Singapura," katanya.

Beliau berkata, orang Melayu juga kehilangan kuasa politik menerusi pelaksanaan dasar perumahan dengan PAP mewujudkan bandar baru seperti Tampines New Town, Bedok North and South, Toa Payoh, Ang Mo Kio dan lain-lain.

Di bawah dasar perumahan ini, katanya, kampung yang majoritinya dihuni orang Melayu dan Cina, diambil alih oleh kerajaan secara perundangan dan penghuninya dibayar pampasan. — Bernama